



**PEKELILING  
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 12/1985**

*Cara Untuk Menentukan Dan Kad Pengenalan  
Sama Ada Warganegara Atau Bukan Warganegara  
Berhubung Dengan Urusniaga Tanah Dan Permohonan  
Lain Di Bawah Kanun Tanah Negara*

Pekeling ini dikeluarkan untuk menasihati Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai pematuhan dengan peruntukan di bawah seksyen 436A Kanun Tanah Negara. Peruntukan tersebut diadakan sebagai susulan kepada Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) yang menyekat pemilikan tanah oleh orang yang bukan warganegara dan syarikat asing. Mengikut seksyen 436A, dalam membuat sebarang permohonan di bawah Kanun Tanah Negara atau semasa mengisi mana-mana borang dalam Jadual Pertama (termasuklah borang-borang urusniaga), setiap individu hendaklah memasukkan kewarganegaraannya dan nombor kad pengenalan rasmi, dan dalam kes syarikat, suatu kenyataan sama ada ianya adalah syarikat asing sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 433A.

2. Menyentuh soal bagaimana taraf kewarganegaraan seseorang dapat ditentukan dan nombor kad pengenalan, penentuan hanya dengan berdasarkan kepada nombor kad pengenalan tanpa melihat atau memeriksa kad pengenalan, boleh mengelirukan. Ini adalah sebab walaupun nombor siri yang berasingan ditetapkan bagi kad pengenalan biru dan merah (iaitu bagi kad pengenalan biru, nombor 0000001 hingga 75000000 dan A000001 hingga A75000000 dan bagi kad pengenalan merah, nombor 75000001 hingga 95000000), akan tetapi warna-warna itu boleh bertukar dari satu ke satu yang lain tanpa perubahan kepada nombor asalnya. Sebagai misalan, warna boleh bertukar dari biru ke merah atau dari merah ke biru bergantung kepada taraf kewarganegaraan seseorang itu akibat penolakan atau perlucutan atau pemerolehan taraf kewarganegaraan tanpa apa-apa perubahan kepada nombor kad pengenalan yang berkenaan. Oleh yang demikian, nombor kad pengenalan sahaja tidak dapat memastikan taraf kewarganegaraan seseorang itu, melainkan nombor itu disusuli dengan perkataan "biru" atau "merah" sebagaimana yang sesuai.

3. Cara yang disyorkan bagi menentukan taraf kewarganegaraan sama ada rakyat Malaysia atau tidak ialah dengan meneliti sendiri sesuatu kad pengenalan kerana di sebelah belakang kad pengenalan biru ada dinyatakan perkataan "warganegara Malaysia". Catatan sedemikian tidak terdapat dalam kad pengenalan merah. Dengan itu, Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir-pentadbir Tanah adalah dinasihatkan supaya meminta pihak yang berkenaan untuk menyertakan salinan fotostat kad pengenalan semasa mengisi mana-mana borang Kanun Tanah Negara atau membuat apa-apa permohonan.

4. Perkara-perkara yang dinyatakan dalam Pekeling ini adalah untuk perhatian dan tindakan Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah.

**DATUK HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HAJI NORDIN,  
Ketua Pengarah Tanah dan Galian  
Persekutuan**

Fail No.: KKTKW 101/799-3

Tarikh: 14hb Disember, 1985